

Remaja terdedah penyakit kronik

UM 4.1.14 3

TIDAK dinafikan dengan kebergantungan remaja terhadap teknologi dan internet merupakan satu wabak penyakit yang kronik jika tidak dibendung dengan baik.

Penyebaran pelbagai cerita mahupun isu menjadikan ia sebagai medium yang begitu mudah dan pantas mempengaruhi golongan muda terutamanya mahasiswa.

Usaha yang diambil oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan dilihat semakin baik dalam membendung gejala ini agar teknologi yang ada tidak menjadi sesuatu yang merosakkan minda

golongan muda.

Walau apa pun tindakan dari kerajaan dan badan bukan kerajaan, adalah penting bagi remaja itu sendiri untuk lebih berdisiplin dalam membentuk jati diri yang lebih baik.

Remaja perlu mencontohi negara lain seperti Jepun, walaupun mereka mempunyai lambakan teknologi namun dengan jati diri yang kukuh membuatkan mereka dapat terus hidup dengan aman dan damai.

Terdapat tiga peringkat dalam memastikan golongan muda untuk terus berada di landasan yang betul, pertama adalah diri sendiri yang perlu lebih berdisiplin dan mempunyai pendirian yang teguh.

Kedua adalah masyarakat, peranan masyarakat amat penting kerana remaja dalam kelompok masyarakat dan sikap ambil berat perlu bagi memastikan remaja terus berdaya saing.

Dan yang terakhir adalah negara, pelbagai program dianjurkan bagi memastikan remaja negara ini terus dibekalkan dengan aktiviti yang sihat dalam membentuk pemimpin masa hadapan.

FANDYI SANIZAN JURUP
Presiden
Majlis Perwakilan Pelajar
Universiti Malaysia Sabah

IBU bapa, keluarga dan masyarakat berperanan besar dalam membentuk generasi muda bagi memastikan mereka dapat mengekalkan kemakmuran negara.

